



6 Mei 2016
6 May 2016
P.U. (B) 204

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 162/2005 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 5 Mei 2005, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan oleh subseksyen 28(1) Ordinan Tanah Sabah [*Sabah Bab 68*] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Tanah) 1984 [*P.U. (A) 291/1984*], Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tanah di Wilayah Persekutuan Labuan telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk landskap dan taman rekreasi awam dan telah menetapkan bahawa Perbadanan Labuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 242/2010 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 10 Mei 2010, Kerajaan Persekutuan telah mewakili penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual bersama dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Labuan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* sebagai P.U. (B) 59/2016 pada 15 Februari 2016: